

WACANA TURATH: LEGASI ULAMAK KELANTAN

TOK AYAH KUBANG BUNUT: ULAMAK PENGASAS SISTEM PONDOK DI PASIR MAS

PASIR Mas adalah sebuah jajahan yang terkenal kerana kemunculan pusat-pusat pengajian pondok pada abad ke-19. Bahkan sehingga abad ke-20, Pasir Mas dianggap sebagai jajahan yang mempunyai pondok yang paling banyak di Kelantan, selain turut melahirkan tokoh-tokoh ulamak yang berwibawa dan terkenal. Tokoh yang dikatakan menjadi pengasas yang meneroka sistem pengajian pondok di Pasir Mas ialah Tok Ayah Kubang Bunut yang hidup pada zaman pemerintahan Sultan Mohammad II (1836-1886). Pada zamannya, para ulamak Pattani telah berhijrah bersama Sheikh Daud Abdullah al-Fathani (m. 1846) meninggal negeri mereka kalah perang 'Musuh Pattani' dan dijajah oleh Siam pada 1838, di mana sebahagian mereka mula membuka pondok di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Seberang Perai untuk melanjutkan legasi sistem pendidikan pondok yang masyhur di Pattani dasawarsa itu.

Ketika beberapa ulamak Pattani seperti Tuan Konok (m.1893), Tuan Pengkalan Tangga (m. 1895) dan Sheikh Wan Hussein Wan Mohamad Nur Marbu mula membuka pondok di Kelantan pada pertengahan abad ke-19, Tok Ayah Kubang Bunut telah mengasaskan pondok yang pertama di Pasir Mas sekitar 1850-an. Turut masyhur ketika ini ialah Tuan Hassan Besut, Tuan Bukit Bayas dan Tok Sheikh Duyung yang membuka pondok di Terengganu. Ulamak Kelantan yang hidup sezaman dengan Tok Ayah Kubang Bunut termasuklah Sharif Hassan Aur Cina, Tuan Guru Haji Wan Sulaiman Langgar, Tok Ayah Banggol dan Tuan Jamal Peringat. Namun yang lebih terkenal di Kelantan pada dekad ini ialah Tok Pulai Chondong (m. 1873) yang keluarganya juga berasal dari Pattani serta dikatakan orang yang pertama membuka pondok di Kelantan pada 1820, dan dari pondoknyalah lahir Tok Wan Ali Kutan yang masyhur itu.

Tok Ayah Kubang Bunut atau nama sebenarnya ialah Haji Daud bin Lebai Haji Che Mamat bin Imam Haji Dahdi, dilahirkan mungkin pada dekad kedua abad ke-19 iaitu menjelang 1820-an. Datuknya, Imam Haji Dahdi dikatakan seorang ulamak tasawuf tariqat yang mempunyai leluhur dari Aceh. Mereka berhijrah ke Kelantan pada akhir abad ke-18 dan tinggal di Kampung Kubang Bunut, daerah Kubang Gadong, Pasir Mas. Lebai Haji Che Mamat, ayahnya adalah Imam Mukim Kasa pada satu suku abad yang lalu, sebagai mana Imam Haji Dahdi juga. Memandangkan pengaruh agama yang kuat dalam keluarga Lebai Haji Che Mamat, beliau telah menghantarnya anaknya, Daud untuk belajar agama dengan ulamak-ulamak tempatan di Kelantan, kemudian Pattani, sebelum beliau berangkat ke Mekah dan Mesir. Beliau dikatakan berada di Asia Barat kerana menuntut ilmu sekitar 25 tahun dan berjaya menjadi seorang hafiz.

Setelah pulang ke Kelantan sekitar tahun 1850-an, Haji Daud yang sepatutnya mewarisi tugas Imam Mukim Kasa telah mengambil langkah bijak dengan membuka pusat pengajian iaitu Pondok Kubang Bunut yang berkembang sezaman dengan pondok yang lebih senior seperti Pondok Tuan Pengkalan Tangga di Pasir Puteh, Pondok Pulai Chondong di Machang, Pondok Tuan Tabal di Tumpat, Pondok Tuan Konok di Padang Keluchor, Kota Bharu, Pondok Haji Ahmad Tuan Padang di Kota Bharu, Pondok Haji Ismail Qadhi di Atas Banggol, Kota Bharu dan Pondok Haji Abbas di Sungai Budor, Kota Bharu.

Walaupun Pondok Kubang Bunut tidak dapat menyaingi kemasyhuran pondok-pondok ternama di Kota Bharu dan Tumpat, selain Pattani, namun Pondok Kubang Bunut telah melahirkan beberapa tokoh agama di Pasir Mas dan Haji Daud mula dikenali dengan panggilan Tok Ayah Kubang Bunut, iaitu satu panggilan hormat masyarakat kepada para ulamak. Antara murid beliau yang 'timbul' termasuklah Tok Jias Muda, Haji Lebar dari Kampung Jelujuk dan Awang Besar dari Becah Palas, selain anak-anaknya sendiri terutama Pak Teh Haji Che Mamat. Pada tahun 1880, Kelantan telah dilanda bencana angin besar, dan Tok Ayah Kubang Bunut dikatakan meninggal dunia beberapa ketika selepas bencana ini.

Tok Ayah Kubang Bunut mempunyai seorang isteri, Che Aisyah dan lapan orang anak dengan empat daripadanya lelaki, termasuk Pak Teh Che Mamat dan Haji Che Abdullah. Anak Haji Che Abdullah, Haji Che Wook (Daud) adalah Imam Masjid Mukim Kasa, selain seorang lagi cucunya agak dikenali, Cikgu Che Kar (Abu Bakar) Che Mamat. Antara keturunan beliau yang terkenal ialah Dato' Haji Nik Abdul Rahman Nik Mohammad (Dato' Nik Man Meranti), bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan 1964-1969; Dato' Haji Kamaruddin Mohd Zain, bekas Timbalan Yang Dipertua MAIK; Dato' Haji Mohammad Che Wook, bekas Mufti Kelantan 1988-1990; dan Dr Yusri Mohammad, bekas Presiden ABIM dan sekarang ini sebagai Yang Dipertua YADIM.

Semenjak tertubuhnya Pondok Kubang Bunut pada 1850-an, maka muncullah pondok-pondok baru di Pasir Mas terutama apabila Imam Masjid Bandar Pasir Mas, Tuan Guru Haji Mat Salleh Abdul Samad yang berasal dari Bachok mengasaskan Pondok Pohon Celagi sebagai pondok kedua di Pasir Mas, selain Pondok Sharif Hassan di Aur Cina, Kubang Gadong. Sejak itu, berkembang pesatlah sistem pengajian pondok di Pasir Mas terutama bermula awal abad ke-20, sehingga menjadikan Pasir Mas sebagai pusat kebangkitan gerakan Islam di Kelantan selepas Perang Dunia Kedua, bahkan sampai sekarang jajahan Pasir Mas kekal sebagai kawasan yang kukuh dengan sistem pengajian pondok.

Oleh,

Mohd Fadli Ghani

12 Syaaban 1438